

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN
ABDUL AZIZ [RAUB]**

**TARIKH JAWAPAN : 17 JUN 2014 (SELASA)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**

- (a) bilakah masalah gangguan air di daerah Raub akan diselesaikan memandangkan setiap minggu berlaku gangguan bekalan air di daerah tersebut; dan
- (b) adakah pihak Kementerian akan mengambil langkah segera untuk mengganti paip-paip air asbestos dan besi di daerah Raub.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Gangguan bekalan air yang kerap berlaku di daerah Raub berpunca daripada beberapa faktor iaitu:
 - (i) loji rawatan air terpaksa dihentitugas akibat ketidakupayaan merawat air mentah kerana kekeruhan yang tinggi;
 - (ii) kerap berlaku kejadian paip pecah disebabkan paip lama yang uzur; dan
 - (iii) keadaan topografi daerah Raub yang berbukit menyebabkan tekanan di setengah kawasan adalah tinggi seterusnya menyebabkan kecenderungan untuk berlakunya kejadian paip pecah adalah tinggi.

2. Penyelesaian sementara yang diambil oleh pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) terhadap masalah gangguan bekalan air adalah dengan menghantar lori tangki ke kawasan-kawasan yang mengalami gangguan bekalan air. Bagi penyelesaian jangka masa panjang pula, pihak PAIP sedang melaksanakan projek-projek menaiktaraf sistem bekalan air dengan melaksanakan Projek Pemasangan Paip Air Bersih Dari Loji Rawatan Air Sg. Bilut ke

Tangki Air di Bandar Raub dan Projek Menaiktaraf Loji Air Sungai Kelo dan Muka Sauk yang dijangka siap pada tahun 2017.

Tuan Yang Dipertua,

3. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian ini telah menyalurkan peruntukan kepada PAIP sebanyak RM2.75 juta bagi bekalan air Raub. Peruntukan tersebut termasuklah bagi pelaksanaan program penggantian paip-paip usang terutamanya paip jenis *Asbestos Cement* (AC) kepada paip yang lebih tahan lasak melalui aktiviti penggantian paip-paip usang di bawah Program Membaik Pulih Sistem Agihan. Penggantian paip air lama adalah sangat penting bagi mengelakkan kebocoran paip air yang akan menyumbang kepada kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) seterusnya menjejaskan bekalan air kepada pengguna.

NO. SOALAN: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR
[SILAM]**

TARIKH : 17 JUN 2014

RUJUKAN :

SOALAN : 6890

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes yang telah dilaporkan berkenaan isu militan di negara kita, apakah usaha yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam menangani isu militan dan menyekat pengaruh buruk ini daripada terus menular di negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga hari ini, terdapat sebanyak 252 kes individu yang ditangkap kerana terlibat dengan isu militan. Mereka adalah terdiri daripada pelbagai kumpulan militan seperti Al-Qaeda, Jemaah Islamiah (JI), Darul Islam (DI), *Liberation Tiger of Tamil Eelam* (LTTE) dan lain-lain kumpulan pengganas yang terlibat dengan aktiviti keganasan. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci maklumat ini agar tidak menjejaskan siasatan dan risikan yang berterusan oleh pihak PDRM. Saya akan memaklumkan kemudian kelak selepas siasatan selesai dan setelah mereka dibawa ke muka pengadilan.

Namun begitu, saya memberi jaminan bahawa pihak PDRM akan menjalankan siasatan terhadap mana-mana kumpulan militan mahupun kumpulan-kumpulan lain yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Usaha ini termasuklah melalui kerjasama berterusan di samping bertukar-tukar maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN. Bahkan, Kerajaan memberi jaminan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah- langkah Khas) 2012 sudah mempunyai peruntukan mencukupi dalam membendung aktiviti pengganas.

Ancaman kegiatan militan di Malaysia adalah pada tahap yang rendah. Dalam hubungan ini, semua pihak perlu faham bahawa Malaysia bukannya sebagai pangkalan pergerakan pengganas tetapi sebagai transit

ke Negara-negara ketiga. Sekiranya terdapat bukti bahawa mereka terlibat di dalam mana-mana aktiviti berbentuk militan, tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat akan diambil di bawah undang-undang sedia ada. Antaranya adalah seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 selain undang-undang lain sedia ada.

Dalam usaha untuk menangani kebangkitan kumpulan militan, beberapa usaha telah dilakukan dengan menyiasat aktiviti-aktiviti kumpulan yang mencurigakan dan memantau individu-individu yang pernah terlibat dalam kumpulan militan yang sedia ada. Usaha seterusnya adalah dengan mengadakan beberapa siri program pemulihan kepada orang-orang tahanan dan ahli keluarga mereka. Kerjasama yang rapat juga dilakukan dengan agensi risikan asing bagi membendung kemasukan elemen militan dari luar negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 17 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha untuk mengatasi kadar penceraian dan keruntuhan institusi kekeluargaan yang semakin tinggi dalam negara serta apakah pencapaian setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pemantapan perkahwinan merupakan elemen yang penting dalam membentuk kebahagiaan dan keharmonian sesebuah institusi keluarga. Kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha bagi mengurangkan jumlah perceraian menerusi program pendidikan, pengetahuan dan kemahiran serta khidmat sokongan kekeluargaan. Antaranya ialah:

- a) **Program Pra Perkahwinan SMARTSTART** telah dilaksanakan sejak tahun 2006. Program ini diadakan untuk pasangan yang akan berkahwin atau baru berkahwin (kurang 5 tahun). Hingga Mac 2014 sejumlah 559 program telah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan badan-badan agama. Program ini telah memberi manfaat kepada 20,617 orang peserta.

Bagi mengetahui pencapaian Program *SMARTSTART*, satu kajian penilaian telah dilaksanakan pada tahun 2012 dan mendapati sebanyak 97.7% peserta menyatakan bahawa program ini telah memberi panduan

yang berguna kepada pasangan yang akan melangkah ke alam rumah tangga. LPPKN juga telah melaksanakan *SMARTSTART 2nd Honeymoon* dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) sejak bulan Februari 2010. Tujuan utama program ini adalah untuk membantu pasangan yang menghadapi konflik rumah tangga. Hingga Disember 2013, sebanyak 13 program telah dilaksanakan dengan penyertaan sebanyak 314 pasangan. Hasil daripada pelaksanaan program berkenaan, hanya 2 pasangan membuat keputusan untuk meneruskan proses penceraian.

b) Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) yang telah dijalankan pada tahun 2011 mendapati bahawa Indeks Ekonomi Keluarga berada pada tahap yang paling rendah iaitu pada 6.9 daripada skala 10. Ini boleh menyumbang kepada krisis rumah tangga jika tidak dibendung. Bagi membantu pasangan yang telah berkahwin, LPPKN telah melaksanakan Program *SMARTbelanja@LPPKN* sejak tahun 2008. Program ini bertujuan untuk mendidik dan memberi panduan kepada ahli keluarga terutamanya generasi muda mengenai kemahiran pengurusan kewangan keluarga yang baik. Hingga Mac 2014, sebanyak 221

program telah dilaksanakan melibatkan penyertaan seramai 12,375 orang peserta.

- c) Menyedari cabaran dwikerjaya suami isteri masa kini dan kekangan menghadiri kursus keibubapaan di luar waktu kerja, LPPKN telah melaksanakan sebanyak 616 program **Keluarga@Kerja (Parenting@Work)** sejak 2007 hingga Mac 2014 melibatkan penyertaan seramai 26,484 orang peserta.

- d) Bagi membantu pasangan yang menghadapi konflik mendapat khidmat kaunseling perkahwinan dan kekeluargaan, Kementerian telah menyediakan seramai 252 orang kaunselor dan panel kaunselor yang memberi perkhidmatan kaunseling melalui tiga agensi utama yang ditempatkan di Pusat Keluarga LPPKN, Klinik Nursejahtera, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Jabatan Pembangunan Wanita di seluruh negara. Perkhidmatan kaunseling secara *outreach* turut diberikan oleh KPWKM melalui LPPKN bagi membantu pasangan yang menghadapi konflik.